



JURNAL LINGUISTIK Vol. 23 (2) Disember 2019 (001-012)

Bentuk Ekspresi Emosi ‘takut’ dalam Dunia Siber: Satu Kajian Rintis

Norwati Mohd Zain¹ & Hishamudin Isam²

zainnorwati@gmail.com, din@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,
Universiti Utara Malaysia.

Tarikh terima : 25 Jun 2019
Received
Terima untuk diterbitkan : 27 Sept 2019
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 15 Dis 2019
Published online

Abstrak

Dewasa ini, penggunaan media sosial sebagai salah satu daripada platform komunikasi sudah tidak asing dalam kalangan masyarakat digital. Platform komunikasi siber dalam bentuk rangkaian laman sosial seperti *Instagram*, *facebook*, *twitter*, dan *linkedIn* telah membantu pembentukan beberapa kumpulan sosial siber. Rakan-rakan yang berada dalam kumpulan sosial siber yang sama akan berkongsi bukan sahaja maklumat digital malah mereka turut berkongsi emosi, pemikiran dan minat yang sama. Bertitik tolak daripada perkembangan rangkaian media sosial serta suapan berita yang dikongsi dalam kumpulan sosial siber, maka fokus artikel ini untuk mengenal pasti bentuk ekspresi emosi ‘takut’ dalam kumpulan sosial siber khususnya *Facebook*. Kajian dilaksanakan dengan memanfaatkan koleksi data raya (*big data*) yang luas dalam dunia siber serta berpandukan kaedah kajian dalam bidang linguistik korpus. Analisis dimulakan dengan mengenal pasti bentuk kata yang mengandungi ekspresi emosi gender yang dikongsi dalam suapan berita kumpulan sosial siber dan diselidik menggunakan prinsip linguistik korpus. Setiap tema yang terbentuk dalam data akan ditentukan kedudukan maknanya berdasarkan penggunaan kata yang mewakili ekspresi emosi ‘takut’ sebelum pemahaman makna keseluruhan ekspresi emosi tersebut dibincangkan. Dapatan awal kajian ini telah membuktikan bahawa wujud bentuk kata ekspresi emosi ‘takut’ yang memberi makna kepada kewujudan kesihatan mental melibatkan gejala tekanan mental. Antara bentuk ekspresi emosi ‘takut’ yang dapat dikesan dalam kumpulan sosial siber ialah gejala tekanan mental seperti kebimbangan, kekeliruan dan kemurungan. Kajian ini secara tidak langsung telah memanfaatkan koleksi data raya yang luas dalam dunia siber sekaligus mampu memberi manfaat kepada perkembangan dunia penyelidikan linguistik secara khususnya.

Kata kunci: ‘takut’, linguistik korpus, emosi, media sosial, tekanan mental

Abstract

Currently, the use of social media as one of the platforms of communication is normal among the digital community. The cyber communication platform in the form of social networking sites as *Instagram*, *facebook*, *twitter*, and *linkedIn* have led to the formation of several other cyber social groups. Friends who are in the same cyber social groups will not only be sharing digital information, but they also share their emotions, thoughts and similar interests. Taking the development of social media networks and news feeds which are shared in cyber social groups as the starting point, the focus of this article is to identify the ‘takut’ emotional expression in cyber social groups, particularly *Facebook*. The research is conducted by making use of a large collection of big data in the cyber world and is guided by research methodology applied in the field of corpus linguistics. The analysis begins by identifying the forms of words

containing 'takut' emotional expressions that are shared in the news feeds of the cyber social groups, and then researched using corpus linguistic principles. The position of meaning of every term formed will be determined based on the use of words that represent the emotional expression, before the understanding on the meaning of the entire 'takut' emotional expression is discussed. The preliminary findings of this research have proven the existence of a basic form of emotional expression which is 'takut', which gives meaning to the existence of various types of mental illness. The forms of words that represent the expression of the emotion of 'takut' in the online social interaction group have been researched in order to identify the types of mental stress which are anxiety, disorder and depression. This research has indirectly made use of the very large collection of big data in the cyber world, simultaneously bringing benefit specifically to the development of the world of linguistic research.

Keywords: 'takut', corpus linguistic,; emotion, social media, mental stress

1. Pengenalan

Komunikasi digital merupakan platform popular yang mewarnai landskap masyarakat moden hari ini. Kemajuan dalam bidang komunikasi digital telah membantu perkembangan komunikasi siber melalui platform rangkaian sosial berbentuk web seperti *Instagram*, *facebook*, *twitter*, *linkedIn* dan sebagainya. Masyarakat siber hari ini sangat bergantung pada platform rangkaian sosial untuk saling bertukar-tukar maklumat serta berkongsi cerita mengenai kehidupan peribadi mereka (Clark, Algae & Green, 2018). Keterbukaan komunikasi digital di dunia siber telah menyebabkan jaringan kenalan maya individu meningkat dan dalam masa yang sama telah menyebabkan hubungan interpersonal melibatkan komunikasi secara bersemuka menjadi tidak popular (Baek, Bae, & Jang, 2013). Hubungan unik antara individu dalam sesebuah komuniti siber menjadi semakin menarik apabila wujud ruangan forum berkumpul dalam bentuk kumpulan sosial siber yang menawarkan keahlian secara terbuka kepada komuniti siber untuk berkongsi maklumat dan minat yang sama (Heeren & McNally, 2016). Komuniti dalam kumpulan siber bukan sahaja berkongsi minat yang sama malah turut berkongsi emosi, budaya dan pemikiran mereka secara bebas (Faulkner, & Bliuc, 2017, dan Maness & Valeriano, 2016). Sifat keterbukaan dunia siber telah menyumbang penyebaran pelbagai bentuk ekspresi emosi sesama komunitinya (Bevan, Gomez, & Sparks, 2014; Pe, et al., 2015; Schwartz, et al., 2014; dan Whiting & Williams, 2013). Dalam masa yang sama gejala-gejala penyakit berkaitan emosi dan kesihatan mental turut dipamerkan dalam dunia siber sehingga menarik minat para sarjana pelbagai disiplin untuk menelitinya seperti Ahmad & Farrell, 2014; Davenport, Bergman, Bergman, & Fearington, 2014; Dresner & Herring, 2010; dan Rodriguez, Holleran, & Mehl, 2010).

2. Objektif

Objektif makalah ini ialah untuk membincangkan bentuk ekspresi emosi 'takut' dalam kumpulan sosial siber khususnya *Facebook*.

3. Emosi dari pelbagai perspektif

Sarjana psikologi iaitu Ekman (1992) berpendapat bahawa perkataan emosi atau emotion adalah berasal daripada bahasa Perancis, iaitu *émouvoir*, yang membawa maksud 'kegembiraan'. Ekspresi emosi dalam bahasa Latin pula berasal daripada perkataan *emovere*, yang merujuk kepada 'e' iaitu 'luar' dan *movere* iaitu 'bergerak'. Ekspresi emosi boleh bersifat positif (gembira & syukur) atau negatif (marah & benci). Ekspresi emosi yang bersifat positif akan memberi

keuntungan kepada individu dan emosi negatif pula akan mengundang tindak balas luar kawalan (Fridja, 2007).

Dari satu sisi, maksud emosi sebagaimana yang disebut dalam *Kamus Psikologi* (Colman, 2016) pula dirujuk sebagai “*any short-term evaluative, affective, intentional, psychological state, including happiness, sadness, disgust, and other inner feelings* (hal. 29). Hal ini diperjelas oleh para sarjana dalam bidang psikologi dengan merujuk emosi kepada sifat semula jadi yang wujud dalam diri individu dan sangat berkait rapat dengan aktiviti sosial. Terdapat enam bentuk ekspresi emosi asas yang mempengaruhi kehidupan manusia iaitu gembira (*happy*), sedih (*sad*), marah (*anger*), takut (*fear*), jijik (*disgust*) dan kejutan (*surprise*) (Ekman, 1992; Fridja, 2007; dan Plutchik, 2001). Keenam-enam bentuk ekspresi emosi ini sering mempengaruhi aktiviti sosial dan tingkah laku manusia sama ada bersifat positif, negatif atau neutral.

Dalam bidang linguistik pula, ekspresi emosi dilihat sebagai suatu proses otak yang melibatkan tindak balas saraf yang bertujuan untuk mengawal tingkah laku individu. Tindak balas saraf nervous pula dipengaruhi oleh pengalaman individu, interaksi sosial, bahasa dan kognitif (*embodiment*) (Damasio, 2000 dan Manstead, 2012). Aristotle pula merujuk emosi sebagai salah satu peralatan bahasa yang berbentuk retorik (*ethique*); sangat bermakna (*meaningful*); mempunyai kuasa magic (*magical virtue*) kerana mempunyai domain nilai; fakta; dan kawalan kepada tindak tanduk manusia (Haidt, 2003, Harre & Parrott, 1996). Parkins, (2012), Lazarus, (2001) dan Oatley (2004) dalam kajian-kajian mereka telah berjaya mengesan elemen emosi sebagai aspek utama kepada perkembangan bahasa dan aktiviti sosial manusia malah mampu diperjelas secara saintifik.


Dengan berpanduan kepada beberapa pendapat para sarjana terdahulu mengenai emosi, dapatlah disimpulkan bahawa ekspresi emosi melibatkan luahan perasaan individu dan akan diterjemahkan dalam bentuk perlakuan sama ada berbentuk lisan atau tulisan. Ekspresi emosi juga dipengaruhi oleh tindak balas individu terhadap persekitaran sosialnya dan dapat dinilai sama ada bersifat menguntungkan (positif) atau merugikan (negatif).

4. Pendekatan Linguistik Korpus

Fokus artikel ini adalah untuk mengenal pasti bentuk ekspresi emosi ‘takut’ dalam kumpulan sosial siber khususnya *Facebook*. Kajian ini menggunakan kaedah yang disarankan dalam bidang linguistik korpus. Pendekatan linguistik korpus memanfaatkan koleksi teks yang terhasil secara tabii untuk membuktikan fenomena sesuatu bahasa (McEnery, & Wilson, 2001; Sinclair, 1991; Stubbs, 1996; Stewart, 2010; dan Tognini, 2001). Pendekatan linguistik korpus ialah satu kaedah untuk menjelaskan fenomena bahasa berdasarkan penggunaan kata dominan yang berkolokasi dengan kata kunci kajian. Dalam erti kata lain, pendekatan linguistik korpus ialah satu kaedah pemprosesan kata secara praktis kerana sebahagian besar analisis dilaksanakan secara automatik dengan bantuan aplikasi perisian berkomputer. Pendekatan linguistik korpus membantu pemahaman makna sesuatu kata secara sistematik serta saintifik (Leech, 1992). Pendekatan yang digunakan dalam disiplin linguistik korpus telah membantu ramai sarjana tempatan untuk menghuraikan fenomena bahasa secara empirik. Antara kajian yang pernah memanfaatkan pendekatan ini ialah kajian mengenai penggunaan kata ‘kekawat’ dalam media sosial (Hishamudin, Nor Fazilah, Mashetoh, & Sharifah Fazliyatun, 2018); ketidakselarasan istilah Bahasa Melayu dalam korpus kejuruteraan (Junaini, Harshita Aini, Nor Suhaila, & Zuhairah,

2017); dan metafora konsepsi marah dalam data korpus teks tradisional Melayu (Rozaimah, 2015). Keistimewaan pendekatan linguistik korpus ialah kemampuannya dalam meneliti fenomena bahasa pada peringkat kata secara sistematik dan saintifik dengan menggunakan data yang luas dan berkapasiti tinggi.

Berikut diperturunkan contoh gerak kerja analisis span kata yang dilakukan menggunakan pendekatan linguistik korpus.



Rajah 1: Contoh Span Kata Yang Mengandungi Kata Kunci Kajian Iaitu [Mati], Dan Kolokasi Kata Di Kanan Serta Kiri Kata Kunci Kajian Berpandukan Pendekatan Linguistik Korpus

Rajah 1 memaparkan contoh analisis span kata dengan menggunakan pendekatan linguistik korpus. Kata kunci dalam kajian dalam span kata ini ialah 'mati' dan kolokasi kata yang berada berdekatan kiri dan kanan kata kunci kajian akan dianalisis bagi memahami fenomena makna 'mati' dalam teks. Penekanan utama pendekatan ini ialah kepada kekuatan kolokasi kanan dan kiri kata kunci kajian yang mencatatkan jumlah frekuensi penggunaan dalam kuantiti berskala besar (Baker, 2006 dan McEnery, 2006).

5. Metodologi

Data Kajian

Data yang digunakan dalam kajian ini dimuat turun daripada suapan berita di halaman kumpulan sosial siber pengguna Fb. Data yang dimuat turun ini berkategori data terbuka. Sebanyak 10 kumpulan sosial siber daripada pelbagai tema dengan jumlah keahlian setiap satu kumpulan sekitar 500 hingga 2,000 orang telah dipilih sebagai data kajian. Data suapan berita serta komen ahli dikumpulkan selama tiga bulan bermula dari bulan September 2018 hingga Disember 2018. Kriteria utama pemilihan data Fb ialah kumpulan sosial siber tersebut mestilah dikendalikan oleh sekurang-kurangnya dua orang pemilik akaun bersama yang berdaftar secara sah di Fb, keahlian kumpulan adalah terbuka, dan menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya dalam suapan berita dan komen penggunaannya.

Berikut diperturunkan jadual 1 yang mengandungi statistik 10 halaman kumpulan sosial siber Fb dengan jumlah keahlian serta bilangan siarannya.


Jadual 1: Statistik Data 10 Kumpulan Siber Pelbagai Tema Yang Dimuat Turun Dari Facebook Bermula September 2018 Hingga Disember 2018

kumpulan / kumpulan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	Jumlah seluruh
Jumlah keahlian	2,500	1,920	560	900	810	1,900	1,700	701	1,000	791	12,782
Bilangan siaran	389	257	138	182	170	299	258	150	250	222	2,315

Prosedur kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk analisis kandungan sebagaimana yang disarankan oleh Neuendorf, (2017). Data yang digunakan adalah daripada *www.facebook.com* (Fb). Proses pemerolehan data daripada sumber *Facebook* dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dimulai dengan proses memuat turun teks serta memindahkan format teks ke dalam bentuk digital. Proses pengesahan, pembetulan serta penandaan teks digital dilaksanakan dengan bantuan perisian *wordsmith tools 7.0*.

Rajah 2 berikut mengandungi carta alir fasa dan langkah-langkah untuk pembinaan data korpus kumpulan Fb.



Rajah 2: Carta Alir Langkah-Langkah Pembinaan dan Pemerolehan Data *Facebook*.

6. Hasil Kajian Dan Perbincangan

Fasa pengumpulan data dari 10 halaman kumpulan sosial siber di Fb telah menghasilkan dapatan dalam Jadual 2. Statistik ini dijana dengan menggunakan perisian *Wordsmith tools 7.0*.

Jadual 2: Statistik Umum Data 10 Halaman Kumpulan Sosial Siber *Facebook*

Perkara	Jumlah
Kumpulan Sosial Siber Fb	10
Penggunaan Kata (<i>token</i>) dalam teks	311,210
Penggunaan Jenis kata (<i>type</i>)	96,428
type /token ratio (TTR)	0.3212
ayat	181,523

Seterusnya, hasil sisihan data umum dalam Jadual 2, penyelidik telah mengenal pasti bentuk ekspresi emosi tertinggi dalam *Facebook*.


Jadual 3: Bentuk Ekspresi Emosi dalam Data *Facebook* Bermula dari September 2018 hingga Disember 2018

Ekspresi Emosi	Jumlah
Terkejut	12,298
Marah	10,844
Sedih	19,750
Gembira	9,001
Takut	23,906
Meluat	6,221

Dapatan menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 23,906 ekspresi emosi ‘takut’ digunakan dalam Fb, diikuti oleh ‘sedih’ (19,750), ‘terkejut’ [12,298], ‘marah’ (10,844), dan ‘gembira’ (9,001) [meluat] (6,221). Untuk tujuan analisis, penyelidik hanya menggunakan ekspresi emosi ‘takut’ sebagai kata kunci kajian. Setiap tema yang terhasil daripada bentuk ekspresi emosi ‘takut’ akan ditentusahkan kedudukan maknanya berdasarkan kolokasi kanan dan kiri kata kunci kajian sebelum pemahaman makna ‘takut’ dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bahagian seterusnya.

Ekspresi Emosi ‘takut’ dan Frekuensi Kolokasi Kata

Bentuk ekspresi emosi ‘takut’ dalam kumpulan sosial siber telah dikenal pasti dengan berpandukan kepada data *Facebook* sebagaimana yang telah dipaparkan dalam Jadual 3. Data yang disaring telah merekodkan statistik jumlah kolokasi kata yang berkaitan dengan bentuk ekspresi emosi ‘takut’. Perhatikan Rajah 3 berikut;



Rajah 3: Statistik Jumlah Frekuensi Kata Berkolokasi Dengan Ekspresi Emosi ‘takut’ dalam Suapan Berita Kumpulan Sosial Siber di *Facebook*

Rajah 3 memaparkan statistik jumlah frekuensi kata yang paling kerap berkolokasi dengan bentuk ekspresi emosi 'takut' dalam suapan berita kumpulan sosial siber Fb. Hasil penyelidikan data menunjukkan kata ganti nama 'aku' paling tinggi digunakan dalam data diikuti 'mati', 'diam', 'bimbang', 'terjun', 'bunuh', 'menangis', 'mereka', 'kami', 'dia', 'kecewa', 'benci', 'sedih', 'dendam', dan 'hati'. Daripada data dapat diperhatikan bahawa kolokasi kata yang tinggi frekuensi yang dipadankan dengan bentuk ekspresi emosi 'takut' dikelompokkan kepada tiga kategori kata iaitu dimulakan dengan frekuensi tertinggi jenis kata kerja (KK) sebanyak 3,465. Antara jenis kata kerja tersebut ialah 'mati', 'bunuh', 'diam', 'terjun', dan 'menangis'. Kelompok kedua tertinggi melibatkan jenis kata nama (KN) iaitu sebanyak 2,671 iaitu 'aku', 'dia', 'kami', 'mereka', 'hati' dan kelompok ketiga ialah kata adjektif (KA) 'sedih', 'kecewa', 'dendam', 'bimbang', 'benci' dengan jumlah frekuensi sebanyak 2,453.

Bentuk Ekspresi Emosi 'takut' dan Kaitannya dengan Kesihatan Mental

Bentuk ekspresi emosi pengguna dalam media sosial dapat dikesan melalui pemilihan kata yang digunakan sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Kajian-kajian lalu membuktikan bahawa ekspresi emosi dalam media sosial menggunakan terma-terma beremosi (Waterloo, Baumgartner, Peter, & Valkenburg, 2017); mampu mempengaruhi mood pembaca (Lin & Utz, 2015, Sagioglou & Greitemeyer, 2014); dan memberi kesan kepada kesihatan mental pengguna media sosial (Mingming, et al., 2018).

Dalam kajian ini, penyelidik telah mengenal pasti bentuk ekspresi emosi 'takut' yang berkaitan dengan kesihatan mental pengguna. Tiga elemen melibatkan kesihatan mental khususnya gejala tekanan mental telah dapat dikesan dalam kajian ini antaranya ialah kebimbangan, kemurungan dan kecelaruan. Hal ini dapat diperhatikan melalui kekerapan ekspresi emosi 'takut' yang berkolokasi dengan jenis kata nama iaitu aku dan kata adjektif bimbang. Ekspresi emosi 'takut' yang berkolokasi dengan aku dan bimbang telah menghasilkan tekanan mental iaitu kebimbangan melampau. Kebimbangan terhasil daripada rasa bersalah dan tidak selesa individu berkaitan sesuatu peristiwa yang berlaku terhadapnya. Gejala kebimbangan turut dipaparkan melalui tindak balas fisiologi seperti berpeluh, muntah, kepala berdenyut, menggigil dan sesak nafas. Ayat-ayat berikut dapat menjelaskan tekanan mental melibatkan kebimbangan tersebut, antaranya:

1. Adoiiii matilah aku harini, aku tak boleh tgk muka dia. Aku 'takut', **bimbang** dan rasa sangat bersalah sehingga aku paksa diri untuk muntah. Sekarang *aku mula berpeluh dan berdebar*. Allahu.
2. Hidup aku tak kenang budi jasa org lepastu kurang ajar. *aku menggigil* **bimbang** dan 'takut' bersalah, mati lagi baik. aku mohon utk habiskan umur sekarang. Jangan halang aku.
3. TAK TAU KENAPA AKU *BERPELUH* KERANA TERAMAT **BIMBANG** AKU 'takut' DAN SERBA SALAH AND TERUS TERMENUNG SAMBIL LAP DARAH DITANGAN. INI DARAH AKU SENDIRI.
4. Aku 'takut', aku **bimbang** dan insecure separuh mati macam tu. Aku rasa tidak keruan dan memecut di kiri jalan. *Kepala aku berdenyut* dan berdarah. Ahhh.. persetankan.
5. Kau tanya kenapa aku boleh tersadai di ward ni? sebab aku 'takut' dan **bimbang** *mengigil diserang rasa bersalah*, aku telan paracetamol 10 biji dan tersadai kat ward ini. Menyesal tak ada dalam kamus aku.
6. Aku kena hentam kiri dan kanan. *Mengigil tangan dan menyirap darah..* rasa panas je muka ni. Rasa 'takut' aku melebihi **bimbang** dan aku dah mula rasa nak bunuh orang.
7. Lepas aku hentak dia dengan kerusi *tiba2 aku sesak nafas..* **bimbang** dan 'takut' bergabung hingga aku menyesal sebab tak bunuh saja lelaki tu.


Selain itu, ekspresi emosi ‘takut’ turut mempamerkan gejala tekanan emosi yang mengarah kepada gejala kemurungan. Hal ini dapat diperhatikan melalui kolokasi ‘takut’ dengan ganti nama (aku, kita, kami, dia) dan kata adjektif sedih. Kombinasi antara ‘takut’, kata ganti nama dan kata adjektif sedih dapat menghuraikan perasaan individu yang murung. Kemurungan tersebut telah mendorong munculnya ilusi untuk mati atau bunuh diri. Perhatikan contoh ayat berikut;

8. Kami tak suka org ganggu kami. Ini semua salah dia sebb biarkan sedara mara sebab duk berperang. Kami ‘takut’ dan **sedih** kadang rasa nak lari dan *kadang tu rasa nak sangat mati*.
9. Dia buat kita sakit sampai rasa nak mati. Semua benci kita sebb tu kita ‘takut’ bila **sedih** dan *give up nak dengan hidup*.
10. kita kene tendang dekat badan and kene halau pagi ni dengan daddy :’(cant explain the feelings , kita **sedih** dan ‘takut’.. *kita rasa baik mati je*).
11. Bila fikir balik *baiklah aku mati saja*. lagipun bukannya ada orang kisah. Aku **sedih** dan ‘takut’ dengan hidup ni. Takpelah aku doakan semoga korang tak diuji perasaan macam gini. :)).
12. Kalau nanti hijab antara kita berdua terputus, semoga waktu itu kita berdua sama-sama tenang menghadap Dia. Kita rasa ‘takut’ dan sedih bila hilang harapan hidup. Kita borak *nak mati sama-sama* kan, Mok?.
13. aku **sedih** sbb takde siapa kesah pasal aku. aku sunyi gila. Aku tak pandai buat kawan. aku ‘takut’ berkawan sbb tu *aku asyik fikir nak mati terjun bangunan jer*.
14. Korang ingat senang ke nak hadap kehidupan dengan family yg toxic ni ? Dari aku kecil sampai skrg aku murung, **sedih** dan ‘takut’ nak hadap mcm mcm masalah. Boleh tak kalau *aku nak bunuh diri jer* Aku rasa mcm dah tak nak hidup.

Tekanan mental juga didorong oleh kecelaruan. Ekspresi emosi ‘takut’ didapati paling kerap berkolokasi dengan kata adjektif keliru serta malu. Ekspresi emosi ‘takut’ dalam konteks ayat berikut mempamerkan sisi gelap pengguna kumpulan sosial Fb, khususnya melibatkan keinginan kepada rakan sejenis. Emosi ‘takut’ yang berkolokasi dengan keliru dan malu telah membentuk perasaan tidak senang dan benci kepada diri sendiri mahupun persekitaran. Perhatikan ayat-ayat berikut;

15. Tidak tahu mengapa hatiku tergerak untuk menulis pengakuan ini bahawa aku adalah golongan minoriti yang ‘takut’, **keliru** dengan kejadian diri sendiri. *Aku rasa malu kalau rahsia diketahui umum*. Aku benci berselindung di sebalik wajah polos begini.
16. Apakah pilihan terbaik untuk org macam aku yang terperangkap dlm tubuh lelaki sedangkan naluriku wanita? **Keliru** menyebabkan aku ‘takut’ dan *malu berdepan dengan orang lain*.
17. Aku ‘takut’ untuk mengakui rasa cinta yang **keliru** ini. Dia perempuan dan aku juga begitu tetapi perasaan ini tidak mampu dielak. *Aku benci dengan perasaan cinta ini*.
18. Aku ragu dan **keliru** ‘takut’ hubungan ini tak berjalan sebagaimana selayaknya. Aku tidak pernah bernafsu dengan wanita. Malu sungguh.
19. *Aku benci dosa dia, benci dia* , guide dia berjalan straight balik , tolong dia lawan nafsu songsang dia. Aku ‘takut’ dia **keliru** dan songsang macam aku supaya dia tk malu nanti.
20. Me myself sendiri seorg yg gay. *saya malu dgn diri sendiri*. Jijik dgn diri sendiri. saya sendiri ‘takut’ dan **keliru** dengan perasaan songsang ini.
21. *Malu bila org anggap aku baik*. Aku teruk **keliru** dan ‘takut’ naluri songsang ini buat korang ludah muka aku.

Selisikan kolokasi kata dan contoh-contoh ayat berkaitan dengan ekspresi emosi ‘takut’ dalam kumpulan sosial siber Facebook dapat difahami melalui Rajah 4 berikut;



Rajah 4: Bentuk Ekspresi Emosi 'takut' dalam Kumpulan Sosial Siber Facebook

7. Kesimpulan

Kajian ini merupakan kajian rintis untuk mengenal pasti bentuk ekspresi emosi yang dikongsi dalam suapan berita kumpulan sosial siber Fb dan diselidik menggunakan prinsip linguistik korpus. Bentuk ekspresi emosi tertinggi yang dicatatkan dalam suapan berita kumpulan tersebut melibatkan emosi 'takut'. Gabungan antara ekspresi emosi 'takut' yang berkolokasi dengan jenis kata telah dapat menjelaskan bentuk ekspresi emosi 'takut' yang berkaitan kesihatan mental ahli kumpulan sosial siber Fb. Bentuk ekspresi emosi 'takut' yang melibatkan isu kesihatan mental mempamerkan tekanan emosi seperti kebimbangan, kecelaruan dan kemurungan. Ternyata bahawa prinsip linguistik korpus dapat menghuraikan bentuk ekspresi emosi 'takut' secara sistematik dan saintifik. Kajian ini memanfaatkan data yang bersifat autentik serta menepati ciri-ciri kajian linguistik yang bersifat saintifik serta empirikal. Dapatan kajian ini menyokong pendapat sarjana terdahulu iaitu penggunaan bahasa dalam komunikasi siber dapat membantu mengesan gejala tekanan mental para penggunanya (Lup, Trub, & Rosenthal, 2015; dan Zimmermann, Brockmeyer, Hunn, Schauenburg, & Wolf, 2017).

Penghargaan

*Penulisan kertas kerja ini ialah sebahagian daripada penulisan tesis Ijazah Doktor Falsafah yang sedang diusahakan oleh penulis (Norwati Mohd Zain), bersama penyelia (Dr. Hishamudin Isam) di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia.

Rujukan

- Ahmad, N. Y., & Farrell, M. H. (2014). Linguistic markers of emotion in mothers of sickle cell carrier infants: What are they and what do they mean? *Patient Educ. Couns.*, 94, 128–133.
- Anita, W., David, W. (2013). Why people use social media: A uses and gratifications approach, *Qualitative Market Research: An International Journal*, 16 (4), 362-369,
- Antonio, M. (2019). The dark side of the web: Cyber as a threat. *European Foreign Affairs Review*, 2, 135–152.

- Baek, Y., Bae, y., & Jang, H. (2013). Social and parasocial relationships on social network sites and their differential relationships with users' psychological well-being. *Cyberpsychol. Behav. Soc. Netw.* 6(7), 512-517.
- Baker, P. (2006). *Using corpora in discourse analysis*. London and New York: Continuum.
- Beard, C., Millner, A. J., Forgeard, M. J., Fried, E. I., Hsu, K. J., Treadway, M. T. Leonard C.V., Kertz, S. J., & Björqvinnsson, T. (2016).
- Network analysis of depression and anxiety symptom relationship in a psychiatric sample. *Psychol Med*, 46(16), 3359-3369.
- Bevan, J. L., Gomez, R., and Sparks, L. (2014). Disclosures about important life events on Facebook: Relationships with stress and quality of life. *Comput. Human. Behav*, 39, 246–253.
- Clark, J.L., Algoe, S.B., Green, M.C. (2018). Social network sites and well-being: The role of social connection. *Current Directions in Psychological Science*, 27(1), 32–37.
- Colman, A. M. (2016). *A Dictionary of psychology*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Davenport, S. W., Bergman, S. M., Bergman, J. Z., & 'takut'rington, M. E. (2014). Twitter versus Facebook: Exploring the role of narcissism in the motives and usage of different social media platforms. *Computers in Human Behavior*, 32, 212–220.
- Damasio, A. (2000). *The feeling of what happens*. London: Vintage.
- Dian A., de Vries, A., Marthe, M., Marieke, S., Anniek, W., Eigenraam & Kirsten, H. (2018). Social comparison as the thief of joy: Emotional consequences of viewing strangers' instagram posts. *Journal Media Psychology*, 21(2), 222-245.
- Dresner, E., & Susan, C.H. (2010). Functions of the nonverbal in CMC: Emoticons and illocutionary force. *Communication Theory*, 20, 249–268.
- Ekman, P. (1992). An argument for basic emotions. *Cognition and emotion*, 6(3), 169-200.
- Faulkner, N., & Bliuc, A. (2017). Breaking down the language of racism: A computerised linguistic analysis of racist groups' self-defining online statements. *Analyses of Social Issues and Public Policy*, 18(1), 307-322.
- Frijda, N. H. (2007). *The Laws of Emotion*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Haidt, J. (2003). "The moral emotions." In: Richard Davidson, Klaus R. Scherer and Hill H. Goldsmith. (Eds.). *The handbook of affective sciences* (pp, 852–870). Oxford: Oxford University Press.
- Harre, R., & Parrott, G.W. (ed.). (1996). *The emotions: Social, cultural and biological dimensions*. London: Sage Publications.
- Hishamudin Isam, Nor Fazilah Noor Din, Mashetoh Abd. Mutalib & Sharifah Fazliyatun Shaik Ismail. (2018). Kekwat: Di mana bahasa dan akal budi budaya kita?. (2018). *Jurnal Linguistik*, 22(1), 001-017.
- Heeren, A., & McNally, R. J. (2016). An integrative network approach to social anxiety disorder: The complex dynamic interplay among attentional bias for threat, attentional control and symptoms. *Journal of Anxiety Disorders*, 42, 95-104.
- Jelenchick, L. A., Eickhoff, J. C., & Moreno, M. A. (2013). Facebook depression?: Social networking site use and depression in older adolescents. *Journal of Adolescent Health*, 52, 128–130.
- Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa & Zuhairah Idrus. (2017). Ketidakselarasan Istilah Bahasa Melayu dalam Korpus Kejuruteraan dan S&T: Analisis Soterminologi. *Jurnal Linguistik*, 21(1), 1-13.
- Khairul Taufiq Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). Kata pemerl ialah dan Adalah: Analisis Pragmatik. *Jurnal Linguistik*, 21(1), 014- 028.
- Ko, C. H., Yen, J. Y., Yen, C. F., Chen, C. S., & Chen, C. C. (2012). The association between Internet addiction and psychiatric disorder: A review of the literature. *European Psychiatry*, 27(1), 1–8.
- Lazarus, R. S. (2001). Relational meaning and discrete emotions. In K. R. Scherer, A. Schorr, & T. Johnstone (Eds.), *Series in affective science. Appraisal processes in emotion: Theory, methods, research* (pp. 37-67). New York, NY, US: Oxford University Press
- Leech, G. N. (1992). Corpus linguistics and theoris of linguistics performance. In. Svartvik, J. (Eds.), *Directions in corpus linguistics: Proceedings of nobel symposium*, 82, 105-122.

- Lin, R., & Utz, S. (2015). The emotional responses of browsing Facebook: Happiness, envy, and the role of tie strength. *Computers in Human Behavior*, 52, 29–38.
- Lup, K., Trub, L., & Rosenthal, L. (2015). Instagram #instasad? Exploring associations among Instagram use, depressive symptoms, negative social comparison, and strangers followed. *Cyberpsychology, Behavior, and Social Networking*, 18, 247–252.
- Manstead, A.S.R. (2012) ‘A history of affect and emotion research in social psychology.’ In Kurganski, A.W. and Stroebe, W. (Eds.), *Handbook of the History of Social Psychology*. Hove: Psychology Press. 176-98.
- Maness, R. C., & Valeriano, B. (2016). The impact of cyber conflict on international interactions. *Armed Forces & Society*, 1-23.
- McEnery, T., & Wilson, A. (2001). *Corpus linguistics*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- McEnery, T., Xiao, R., & Tono, Y. (2006). *Corpus-based language studies*. Oxford: Routledge.
- Mingming Liu, Jia Xue, Nan Zhao, Xuefei Wang, Dongdong Jiao, & Tingshao Zhu. (2018). Using Social Media to Explore the Consequences of Domestic Violence on Mental Health. *Journal of Interpersonal Violence*, 1–21.
- Neuendorf, K. A. (2017). *The Content Analysis Guidebook*. USA: Cleveland State University.
- Nursen, T., Oguz, P., Mustafa Karapirli, Cem. U., & Seda, G. T. (2011). The new violence type of the era: Cyber bullying among university students: Violence among university students *Neurology, Psychiatry and Brain Research*, 17(1), 21-26.
- Oatley, K. (2004). *Emotions: A brief history*. Malden, MA: Blackwell.
- Parkins, R. (2012). Gender and emotional expressiveness: An analysis of prosodic features in emotional expression. *Pragmatic and intercultural communication*, 5(1), 46-54.
- Pe, M. L., Kircanski, K., Thompson, R. J., Bringmann, L. F., Tuerlinckx, F., Mestdagh, M. (2015). Emotion-network density in major depressive disorder. *Clinical Psychological Science*, 3(2), 292–300.
- Plutchik, R. (2001). The nature of emotions. *American Scientist*, 89, 344-350.
- Rozaimah Rashidin. (2015). Metafora konsepsi MARAH dalam data korpus teks tradisional Melayu. *Jurnal Linguistik*, 19(1), 029-047.
- Rodriguez, A. J., Holleran, S. E., & Mehl, M. R. (2010). Reading between the lines: The lay assessment of subclinical depression from written self-descriptions. *J. Pers.* 78, 575–598.
- Ryan C. M., & Brandon, V. (2016). The Impact of Cyber Conflict on International Interactions. *Sage Journal Volume*, 42(2), 301-323.
- Sagioglou, C., & Greitemeyer, T. (2014). Facebook’s emotional consequences: Why facebook causes a decrease in mood and why people still use it. *Computers in Human Behavior*, 35, 359–363.
- Schwartz, H. A., Park, G., Sap, M., Weingarten, E., Eichstaedt, J., & Kern, M. L. (2014). Towards assessing changes in degree of depression through Facebook, In *Poster Workshop on Computational Linguistics and Clinical Psychology: From Linguistic Signal to Clinical Reality*. (118–127). Bulgaria: ACL.
- Sinclair, J. (1991). *Corpus, concordance, collocation*. Oxford University Press
- Stewart, D. (2010). *Semantic prosody: A critical evaluation*. New York: Routledge Pub.
- Stubbs, M. (2005). Conrad in the computer: Examples of quantitative stylistic methods. *Language and Literature*, 14(1), 5-24.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, (2016). Internet users survey 2016 report. Retrieved from [https:// www. mcmc. gov. my/ skmmgovmy/ media/ General/ pdf/ IUS2016.pdf](https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/IUS2016.pdf)
- Waterloo, S.F., Baumgartner, S. E., Peter, J., & Valkenburg, P. M. (2017). Norms of online expressions of emotion: Comparing Facebook, Twitter, Instagram, and WhatsApp. *Journal of New Media & Society*, 20(5), 1813-1831.
- Whiting, A., & Williams, D. (2013) Why people use social media: a uses and gratifications approach, *Qualitative Market Research: An International Journal*, 16(4), 362-369.
- Zimmermann, J., Brockmeyer, T., Hunn, M., Schauenburg, H., & Wolf, M. (2017). First-person pronoun use in spoken language as a predictor of future depressive symptoms: Preliminary evidence from a clinical sample of depressed patients. *Clin Psychol Psychother* 24, 384–391.

Biodata Penulis

Norwati Mohd Zain ialah pelajar peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Pengajian Bahasa Melayu Kontemporari) di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Semantik dan Linguistik Kognitif. Sedang menghabiskan pengajian PhD. di bawah penyeliaan Dr. Hishamudin Isam di Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia. Terlibat dalam penyelidikan, penulisan jurnal berwasit dan berimpak tinggi serta penulisan kertas kerja untuk persidangan kebangsaan dan antarabangsa.

Dr. Hishamudin Isam ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Bahasa, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Semantik, Pragmatik, Linguistik Kognitif dan Budaya Melayu. Terlibat dalam penyelidikan, penulisan jurnal berwasit dan berimpak tinggi serta penulisan kertas kerja untuk persidangan kebangsaan dan antarabangsa.